



**POLISI MAJLIS PERUBATAN
MALAYSIA (MPM) BERHUBUNG
SUBKEPAKARAN DI BAWAH SEKSYEN
14B(3)(b) dan 14D**

Approved by the Malaysian Medical Council:

25th November 2025

**POLISI MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA (MPM) BERHUBUNG SUBKEPAKARAN
DI BAWAH SEKSYEN 14B(3)(b) dan 14D**

1. TUJUAN

Polisi ini disyorkan supaya latihan subkepakaran yang lengkap dan sempurna adalah selaras dengan *MMC Framework for Medical Subspecialty Training dan Subspecialty-Specific Requirements (SbSR)* untuk membolehkan pendaftaran dalam subkepakaran di bawah Seksyen 14D Akta Perubatan 1971.

2. LATARBELAKANG BERDASARKAN HASRAT (*SPIRIT*) AKTA PERUBATAN 1971 (PINDAAN 2024)

- 2.1. Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2024) menyatakan keperluan menyempurnakan latihan kepakaran menerusi seksyen 14B(1)(c).

“Orang yang berhak untuk didaftarkan sebagai Pakar, Seksyen 14B

14B(1) *Seseorang berhak untuk didaftarkan sebagai seorang Pakar di bawah Akta ini jika—*

- (a) dia telah berdaftar penuh di bawah seksyen 14;*
- (b) dia memegang mana-mana kelulusan kepakaran sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang keempat Jadual Keempat untuk suatu tempoh pengiktirafan yang boleh ditentukan oleh Majlis;*
- (c) dia telah menyempurnakan latihan kepakaran;*
- (d) dia telah—*
 - (i) dengan jayanya menjalani pengalaman kerja yang diselia yang hendaklah ditentukan oleh Majlis; atau*
 - (ii) membuktikan pengalaman kerjanya sehingga Majlis berpuas hati; dan*
- (e) dia telah membuktikan sehingga Majlis berpuas hati bahawa dia adalah kompeten dan mempunyai akhlak yang baik”.*

- 2.2. Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2024) juga menyatakan menerusi seksyen 14B (3)(a), bahawa latihan kepakaran dalam Negara merangkumi latihan yang diluluskan oleh Majlis yang disediakan oleh
- a. Kementerian Kesihatan; atau
 - b. institusi pengajian tinggi tempatan; atau
 - c. mana-mana institusi lain di Malaysia yang diluluskan oleh Majlis.
- 2.3. Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2024) turut menyatakan kuasa Majlis untuk menerima latihan subkepakaran luar negara menerusi seksyen 14B(3)(b):

14B(3) Latihan kepakaran yang disebut dalam Akta ini hendaklah

*“(b) apa-apa latihan yang lain yang boleh diterima oleh Majlis yang disediakan di luar Malaysia berhubung dengan suatu kepakaran sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual Keempat **atau subkepakaran sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kelima**”.*

- 2.4. Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2024) turut memperuntukkan berkenaan **pendaftaran dalam subkepakaran** menerusi seksyen 14D

“Pendaftaran dalam subkepakaran 14 D

*Mana-mana Pakar yang telah didaftarkan di bawah Akta ini boleh membuat permohonan untuk didaftarkan dalam suatu subkepakaran sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kelima dalam **bentuk** dan **cara** sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis dan tertakluk pada apa-apa **sekatan** dan **syarat** sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis.”.*

3. POLISI LATIHAN SUBKEPAKARAN

- 3.1. Majlis boleh menerima latihan dalam bidang subkepakaran sebagaimana yang dinyatakan Jadual Kelima, yang telah disempurnakan **dalam negara** yang disediakan oleh:
- a. Kementerian Kesihatan; atau
 - b. institusi pengajian tinggi tempatan; atau
 - c. mana-mana institusi lain, sama ada secara berasingan atau bersama dengan Kementerian Kesihatan atau institusi pengajian tinggi tempatan.
- 3.2. Bagi tujuan permohonan oleh individu pakar untuk didaftarkan dalam subkepakaran, latihan tersebut mestilah selaras dengan MMC Framework for Medical Subspecialty Training dan Subspecialty-Specific Requirements (SbSR) setelah dimuktamadkan. Sebelum dokumen tersebut dimuktamadkan, proses pendaftaran subkepakaran adalah mengikut prosedur sedia ada.
- 3.3. Majlis akan menentukan pelaksanaan pemantauan (*monitoring*) terhadap latihan subkepakaran dalam negara.
- 3.4. Sejajar dengan Seksyen **14B(3)(b)** apa-apa latihan subkepakaran sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kelima, yang disediakan di **luar Malaysia**, boleh diterima oleh Majlis, untuk tujuan pendaftaran pakar dalam subkepakaran.
- 3.5. Majlis berhak mengenakan sebarang sekatan atau syarat pada pendaftaran pakar dalam subkepakaran, sepertimana yang difikirkan perlu.